



20TH MALAYSIA TOURISM AWARDS 2016 2017

“YOUR QUEST FOR EXCELLENCE BEGINS HERE”

ANUGERAH PELANCONGAN
MALAYSIA KE-20
2016 / 2017

“ILTIZAM ANDA UNTUK MENCAPAI
KECEMERLANGAN BERMULA DI SINI”



MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE

MALAYSIA TOURISM AWARDS 2017



MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE
MALAYSIA



Download Form

ANUGERAH PELANCONGAN MALAYSIA 2016/2017

Anugerah Pelancongan Malaysia (APM) yang berprestij ini diperkenalkan pada tahun 1987 oleh Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan Malaysia untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme dan mutu perkhidmatan industri pelancongan di Malaysia. APM kali ini adalah yang ke-20 dianjurkan.

Anugerah ini adalah pengiktirafan tertinggi kepada individu dan organisasi yang telah memberikan sumbangan cemerlang kepada pembangunan dan kejayaan industri pelancongan di Malaysia.

KATEGORI-KATEGORI ANUGERAH

1. PENGUSAHA PELANCONGAN TEMPATAN TERBAIK

Anugerah ini mengiktiraf pengusaha pelancongan tempatan yang mempunyai rekod cemerlang dalam memasarkan dan mempromosikan Malaysia. Ia terbuka kepada para pengusaha pelancongan yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Terdapat dua anugerah yang dipertandingkan di dalam kategori ini :

Pengusaha Pelancongan Ke Dalam Negeri (Inbound)

Kriteria Asas Penghakiman

- Jumlah pelancong yang dibawa masuk ke negara ini
- Rangkaian penjualan dan kewibawaan perkhidmatan yang ditawarkan
- Sumbangan dalam mempromosikan Malaysia
- Penglibatan aktif dalam penjualan dan promosi pakej-pakej pelancongan Malaysia di luar negara

Pengusaha Pelancongan Domestik

Kriteria Asas Penghakiman

- Sumbangan dari segi nilai dan jumlah pakej pelancongan domestik yang telah dijual
- Rangkaian penjualan dan kewibawaan perkhidmatan yang ditawarkan
- Sumbangan dalam mempromosikan kempen Cuti-Cuti 1Malaysia Dekat Je
- Penglibatan aktif dalam penjualan dan promosi pakej-pakej pelancongan domestik

2. PENGUSAHA PELANCONGAN ANTARABANGSA TERBAIK

Anugerah ini mengiktiraf usaha dan sumbangan pengusaha pelancongan antarabangsa yang mempunyai rekod cemerlang dalam memasarkan dan mempromosikan Malaysia mengikut segmen-segmen berikut:

Pasaran Asia Tenggara

- Singapura
- Indonesia
- Brunei
- Thailand
- Lain-lain negara ASEAN

Pasaran Asia Selatan & Asia Barat

- India
- Lain-lain negara Asia Selatan (Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh & Nepal)
- Asia Barat

Pasaran Amerika, Eropah & Ocenia

- Eropah
 - Amerika (Amerika Syarikat, Kanada & Amerika Latin)
 - Ocenia
- China
 - Lain-lain negara Asia Timur (Hong Kong, Macau & Taiwan)
 - Asia Utara (Jepun Korea)

Kriteria Asas Penghakiman

- Sumbangan dari segi jumlah Pelancongan yang dihantar / dibawa masuk ke Malaysia
- Rangkaian penjualan dan kewibawaan perkhidmatan yang ditawarkan
- Sumbangan keseluruhan dalam mempromosikan Malaysia di pasaran masing-masing

3. RENCANA PELANCONGAN TERBAIK

Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada penulis-penulis tempatan dan antarabangsa yang telah memberi liputan dan menghasilkan rencana/artikel terbaik berkaitan pelancongan di Malaysia sama ada melalui media cetak dan dalam talian (online). Artikel hendaklah diterbitkan pada tahun 2016/2017. Anugerah-anugerah yang dipertandingkan adalah bagi kategori di bawah ini:

Penerbitan Beretak

- Penerbitan Tempatan
- Penerbitan Antarabangsa

Dalam Talian

- Tempatan
- Antarabangsa

Kriteria Asas Penghakiman

- Rencana berkaitan Malaysia yang berkualiti
- Bagi blog – satu "entry/posting" yang penuh mengenai Malaysia
- Ketepatan maklumat
- Daya kreatif dalam penulisan dan menimbulkan minat pelancong untuk melancong ke Malaysia
- Keseluruhan kualiti penerbitan seperti layout, daya kreatif di dalam persembahan visual serta kebolehan dalam menarik minat pembaca untuk melancong di dalam negara dan ke Malaysia
- Penerbitan Pelancongan Tempatan (Diterbitkan di dalam negara)

4. DOKUMENTARI PELANCONGAN DAN IKLAN TELEVISYEN TERBAIK MENGENAI MALAYSIA

Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada penerbitan dokumentari dan iklan komersial televisyen mengenai Malaysia yang disiarkan di dalam pelbagai medium elektronik dan dalam talian (online). Dokumentari hendaklah diterbitkan pada tahun 2016/2017. Tempoh tayangan mestilah sekurang-kurangnya 4 minit. Dua anugerah yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- Dokumentari
- Iklan TV

Kriteria Asas Penghakiman

- Kualiti dan ketepatan maklumat
- Keseluruhan kualiti seperti jumlah promosi mengenai tempat-tempat tarikan pelancongan yang terdapat di Malaysia, daya kreatif persembahan visual serta kebolehan dalam menarik minat penonton untuk melancong ke Malaysia.
- Menawarkan perkhidmatan dalam talian yang lengkap

5. TARIKAN PELANCONGAN TERBAIK

Anugerah ini mengiktiraf tarikan pelancongan terbaik di Malaysia, sama ada buatan manusia atau semula jadi yang telah meningkatkan imej Malaysia sebagai sebuah destinasi pelancongan. Terdapat tiga anugerah dalam kategori ini:

- Tarikan Semulajadi/Eko Pelancongan/Agro Pelancongan
- Tarikan Buatan Manusia - Taman Tema
- Tarikan Buatan Manusia - Tarikan Seni & Budaya

Kriteria Asas Penghakiman

- Kreativiti dalam pembangunan produk
- Populariti, kebersihan dan penyelenggaraan tarikan pelancongan
- Jenis-jenis kemudahan yang disediakan
- Maklum balas yang positif daripada pengunjung
- Mempamerkan unsur-unsur kebudayaan Malaysia
- Nilai untuk wang

6. PAKEJ PELANCONGAN PALING BERINOVASI

Anugerah ini adalah untuk pakej pelancongan paling berinovatif yang telah ditawarkan oleh para pengusaha agensi pengembaraan dan pelancongan dalam negeri yang berdaftar di Malaysia. Setiap agensi/pengusaha pelancongan boleh mengemukakan lebih daripada satu pakej pelancongan di bawah kategori ini. Dua buah anugerah yang dipertandingkan adalah seperti berikut:

- Unik (Di Luar Kebiasaan)
- Minat Khas

Kriteria Asas Penghakiman

- Kreativiti produk
- Promosi dan Pemasaran
- Nilai untuk wang
- Keupayaan untuk dijual
- Aspek perlindungan dan Lestari Alam
- Jadual perjalanan yang dirancang rapi dan teratur
- Cara pengendalian program lawatan termasuk aspek keselamatan
- Maklum balas positif daripada para pelancong, peserta, syarikat-syarikat penerbitan & organisasi-organisasi berkaitan pelancongan yang lain

7. PERKHIDMATAN HOTEL TERBAIK

Anugerah ini mengiktiraf hotel-hotel yang diberi penarafan bintang oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti kepada tetamu-tetamu mereka. Terbuka kepada semua hotel mengikut kategori bintang yang telah ditetapkan. Terdapat lapan anugerah di bawah kategori ini:

- 5 bintang (Bandar)
- 5 bintang (Tempat Peranginan)
- 4 bintang (Bandar)
- 4 bintang (Tempat Peranginan)
- 3 bintang (Bandar)
- 3 Bintang (Tempat Peranginan)
- NBOS Penginapan Lestari Hijau
- Hotel Butik

Kriteria Asas Penghakiman

- Merangkumi keseluruhan kecekapan, budi bahasa dan pelbagai kualiti lain yang berkaitan dengan perkhidmatan seperti dalam aspek penempahan bilik, sambutan dan layanan tetamu, pelbagai kemudahan dalam bilik, kemudahan makanan dan minuman, kemudahan rekreasi dan kemudahan-kemudahan lain
- Faktor-faktor lain termasuklah nilai untuk wang dan suasana persekitaran

8. PEMANDU PELANCONG TERBAIK

Semua pemandu pelancong yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia boleh menghantar penyertaan ini dengan mengemukakan keterangan ringkas bagi menyokong pencalonan mereka. Surat-surat kepujian (jika ada) hendaklah turut disertakan. Terdapat dua anugerah dalam kategori ini:

- Pemandu Pelancong Bandar
- Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi

Kriteria Asas Penghakiman

- Kemahiran berkomunikasi & perhubungan awam
- Kefasihan Bahasa
- Kebolehan dalam menarik perhatian pelancong
- Pengetahuan mengenai produk
- Ciri-ciri lain seperti budi Bahasa & personaliti juga turut dipertimbangkan

9. PUSAT BELI-BELAH TERBAIK

Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada pusat beli-belah yang telah memberikan sumbangan dan sokongan kepada usaha menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi beli-belah bertaraf antarabangsa. Terdapat dua anugerah dalam kategori ini:

- Pusat Beli-Belah Integrasi
- Pusat Beli-Belah Persendirian

Kriteria Asas Penghakiman

- Penglibatan dalam semua kempen jualan sepanjang 2016/2017 selain usaha promosi dan jualan murah bermusim bersempena dengan acara-acara dan perayaan-perayaan tempatan
- Kepelbagaian barang jualan, kualiti perkhidmatan, kebersihan, keselamatan dan kemudahan yang ditawarkan
- Penawaran harga
- Peragaan tetingkap dan pengedaran bahan kolateral semasa aktiviti kempen promosi jualan yang meriah
- Penglibatan yang aktif dalam aktiviti promosi membeli-belah

10. INAP DESA TERBAIK

Anugerah ini mengiktiraf inap desa terbaik yang berjaya menampilkan gaya hidup dan budaya masyarakat Malaysia. Terbuka kepada semua inap desa yang berdaftar dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

Kriteria Asas Penghakiman

- Kreativiti dalam pembangunan produk
- Populariti, kebersihan dan penyelenggaraan tarikan pelancongan
- Jenis-jenis kemudahan yang disediakan
- Maklum balas daripada pengunjung/ tetamu
- Menampilkan unsur-unsur kebudayaan dan identiti Malaysia
- Jumlah pelancong domestik dan pelancong asing
- Pengurusan dan pengendalian inap desa
- Penglibatan yang aktif dalam aktiviti promosi serta penjualan pakej inap desa

11. RESTORAN BERINOVASI

Anugerah ini mengiktiraf restoran-restoran tempatan yang telah menyumbang secara positif kepada imej Malaysia. Terdapat tiga anugerah dibawah kategori ini:

- Restoran Melayu
- Restoran Cina
- Restoran India
- Restoran Etnik
- Restoran Antarabangsa

Kriteria Asas Penghakiman

- Nilai untuk wang
- Kualiti makanan dan layanan
- Hiasan dalaman dan suasana
- Menu dan persembahan makanan
- Kebersihan dan keselamatan
- Daya kreatif,hiburan dan aktiviti promosi

12. PUSAT HIBURAN TERBAIK

Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada pusat hiburan terbaik yang menyumbang terhadap industri pelancongan Malaysia. Kategori ini diperkenalkan selaras dengan EPP yang dilaksanakan di bawah NKEA iaitu terdapat beberapa 'entertainment outlet' yang telah dibangunkan bersempena NKEA.

Kriteria Asas Penghakiman

- Hiasan dalaman dan suasana
- Pengurusan
- Program dan aktiviti
- Kebersihan dan keselesaan
- Nilai untuk wang

13. SYARIKAT PENERBANGAN TERBAIK

Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada syarikat penerbangan terbaik yang dengan jayanya menyumbang kepada industri pelancongan Malaysia dari segi kesalinghubungan dan membawa jumlah pelancong tertinggi ke Malaysia sepanjang 2016 dan 2017. Terdapat tiga anugerah di dalam kategori ini:

- Domestik
- Antarabangsa
- Sewa Khas.

Kriteria Asas Penghakiman

- Jumlah pelancong domestik dan antarabangsa
- Aktiviti promosi dan pemasaran bagi mempromosikan Malaysia
- Perkhidmatan yang ditawarkan
- Maklum balas dan review daripada para pelancong dan organisasi-organisasi berkaitan pelancongan yang lain

14. SPA TERBAIK

Anugerah ini memberi pengiktirafan kepada pengusaha Spa terbaik yang menyokong sepenuhnya usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi spa bertaraf antarabangsa. Terbuka kepada para pengusaha spa yang berdaftar dan diberikan penarafan bintang oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

- Pengusaha Spa Terbaik (Hotel/Resort)
- Pengusaha Spa Terbaik (Premis Persendirian)

Kriteria Asas Penghakiman

- Hiasan dalaman dan suasana
- Kolateral dan aktiviti-aktiviti promosi
- Jenis-jenis perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan
- Kebersihan dan keselesaan
- Nilai untuk wang
- Ahli terapi yang terlatih

MALAYSIA TOURISM AWARDS 2016/2017

The prestigious Malaysia Tourism Awards (MTA) was introduced in 1987 by the then Ministry of Arts, Culture and Tourism (now known as Ministry of Tourism and Culture) to increase the standards of professionalism and service delivery of the tourism industry in Malaysia. This year is the 20th edition of the MTA since its debut.

This Award is the ultimate symbol of recognition for award recipients, and is the highest accolade for individuals and organisations whose outstanding contribution played a significant role in the success of Malaysia's tourism industry.

AWARD CATEGORIES

1. BEST LOCAL TOUR OPERATOR

This award gives recognition to local tour operators who have the most outstanding record in marketing and promoting Malaysia. It is open to all tour operators registered with Ministry of Tourism and Culture Malaysia. There are two awards in this category:

Inbound Tour Operator

Basic Judging Criteria

- Contribution in terms of number of tourists brought into Malaysia
- Sales network and reliability of services offered
- Contribution towards the promotion of Malaysia
- Active involvement in selling and promoting Malaysia tour packages overseas

Domestic Tour Operator

Basic Judging Criteria

- Contribution in terms of value and number of domestic tour packages sold
- Sales network and reliability of services offered
- Contribution towards the promotion of Cuti-Cuti 1Malaysia Dekat Je
- Active involvement in selling and promoting domestic tour packages

2. BEST FOREIGN TOUR OPERATOR

This award gives recognition to foreign tour operators who have the most outstanding record in marketing and promoting Malaysia in the following categories:

Southeast Asia Markets

- Singapore
- Indonesia
- Brunei
- Thailand
- Other ASEAN countries

South Asia & West Asia Markets

- India
- Other South Asia countries (Pakistan, Sri Lanka, Bangladesh & Nepal)
- West Asia

East Asia & North Asia Markets

- China
- Other East Asia countries (Hong Kong, Macau & Taiwan)
- North Asia (Japan & Korea)

Americas, Europe & Oceania Markets

- Europe
- Americas (USA, Canada & Latin America)
- Oceania

Basic Judging Criteria

- Contribution in terms of number of tourists sent / brought into Malaysia
- Sales network and reliability of services offered
- Overall contribution towards promoting Malaysia in respective markets

3. BEST TOURISM ARTICLE

This award recognizes the best tourism coverage and articles on Malaysia in print and online media by local and foreign writers. Applicable to articles that have been published in the year 2016/2017. Awards that are being contested under this category are:

Printed Publication

- Local Publication
- International Publication

Online

- Local
- International

Basic Judging Criteria

- Quality articles on Malaysia
- For blogs-one full entry/posting on Malaysia
- Accuracy of information
- Creativity in writing and generating interest for travel to Malaysia
- Local Tourism Publication (Published in Malaysia)
- Overall quality of the publication such as layout, creativity in visual presentations and the ability of the publication to entice readers to travel within and to Malaysia.

4. BEST TRAVEL DOCUMENTARY AND TELEVISION COMMERCIAL ON MALAYSIA

This award recognizes the best travel documentary productions and television commercials on Malaysia through any electronic and online media. Applicable to productions made in the year 2016/2017. Programme length must be a minimum of 4 minutes. There are two awards in this category:

- Documentary
- TV Commercial

Basic Judging Criteria

- Quality and accuracy of information
- Overall quality such as total promotion of tourism attractions in Malaysia, creativity in visual presentation and the ability to entice viewers to travel to Malaysia.
- Providing a complete and holistic service online

5. BEST TOURIST ATTRACTION

This award recognizes the best tourist attraction in Malaysia, whether man-made or natural, that has enhanced the country's image as a tourist destination. There are three awards in this category:

- Natural Attraction/ Eco-Tourism/ Agro-Tourism
- Man-Made Attraction - Theme Park
- Man-Made Attraction - Arts & Culture Attraction

Basic Judging Criteria

- Creativity of product development
- Popularity, cleanliness and maintenance of attraction
- Types of facilities available
- Positive feedback from visitors
- Display Malaysian cultural elements
- Value-for-money

6. MOST INNOVATIVE TOUR PACKAGES

This award is for the most innovative tour package offered by inbound tour operators registered in Malaysia. A tour operator may submit more than one tour package under this category. There are two awards under this category:

- Off-the-Beaten Track
- Special Interest

Basic Judging Criteria

- Product creativity
- Promotion and marketing
- Value-for-money
- Saleable
- Environmental conservation and sustainability
- Well-planned itinerary
- Handling of tour programme, inclusive of safety aspects
- Positive feedback from tourists, participants, airlines and other related tourism organisations

7. BEST HOTEL SERVICES

This award recognizes hotels rated by the Ministry of Tourism and Culture Malaysia that offer quality and superior services to their guests. All hotels in the respective star-rated categories are eligible for nomination. There are eight awards under this category:

- 5-star (city)
- 5-star (resort)
- 4-star (city)
- 4-star (resort)
- 3-star (city)
- 3-star (resort)
- NBOS Fresh Air resort
- Boutique Hotel

Basic Judging Criteria

- Encompasses overall efficiency, courtesy and the other qualities related to services in area such as reservation, reception and guest relations, in-room services, food and beverage amenities, recreational facilities and other such services
- Other factors include value for money and ambiance

8. BEST TOURIST GUIDE

All tourist guides registered with the Ministry of Tourism and Culture Malaysia may submit their entries with a brief statement to support their entry. Letters of accolades/appreciation (if any) should be attached together with entries. There are two awards under this category:

- City Guide
- Nature Guide

Basic Judging Criteria

- Communication and public relations skill
- Fluency in languages
- Ability to capture the audience's interest
- Product knowledge
- Other qualities like personality and courteousness will also be considered

9. BEST SHOPPING CENTRE

This award recognizes shopping and retail outlets that fully support efforts to make Malaysia an international shopping destination. There are two awards under this category:

- Integrated Shopping Centre
- Stand-Alone Shopping Centre

Basic Judging Criteria

- Participation in sale campaigns throughout 2016/2017 along with promotional efforts and seasonal sales in conjunction with local festive events
- Range of merchandise, quality of service, cleanliness, safety and security and facilities offered
- Pricing
- Window display and distribution of promotional collaterals during festive sale campaigns
- Active participation in promotional activities for shopping

10. BEST HOMESTAY

This award recognizes the best homestay that has successfully showcased Malaysian culture and lifestyle. It is open to all homestays registered with Ministry of Tourism and Culture Malaysia.

Basic Judging Criteria

- Creativity of product development
- Popularity, cleanliness and maintenance of attraction
- Type of facilities available
- Positive feedback from visitors/ guests
- Displays Malaysian cultural elements and identity
- Number of international and domestic tourists
- Management and handling of homestay
- Active involvement in the selling and promotion of homestay packages

11. INNOVATIVE RESTAURANT

This award recognizes local restaurants that contribute positively to Malaysia's image. There are five awards under this category:

- Restaurant Malay
- Restaurant Chinese
- Restaurant Indian
- Restaurant Ethnic
- Restaurant International

Basic Judging Criteria

- Value-for-money
- Quality of food and service
- Interior décor and ambiance
- Menu and food presentation
- Cleanliness and security
- Creativity, entertainment and promotional activities

12. BEST ENTERTAINMENT SPOT

This award recognizes the best entertainment spot that contributes to the Malaysia tourism industry. This category has been introduced in line with the EPP under the NKEA project.

Basic Judging Criteria

- Interior décor and ambiance
- Management
- Program and activities
- Cleanliness and comfort
- Value-for-money

13. BEST AIRLINE

This award recognizes the best airline company that has successfully contributed to the Malaysia tourism industry in terms of connectivity and highest passenger traffic to Malaysia. There are three awards in this category:

- Domestic
- International
- Charter

Basic Judging Criteria

- Total domestic and international tourists
- Promotion and marketing activities to promote Malaysia
- Services offered
- Feedback and reviews from tourists and other tourism-related organisations

14. BEST SPA

This award recognizes the best spa operator that fully supports efforts to make Malaysia an international spa destination. It is open to all spa operators registered and rated by the Ministry of Tourism and Culture Malaysia.

- Best Spa Operator (Hotel/Resort)
- Best Spa Operator (Individual Premise)

Basic Judging Criteria

- Interior décor and ambiance
- Promotional collaterals and activities
- Facilities and services offered
- Cleanliness and comfort
- Value-for-money
- Trained therapists

SYARAT-SYARAT PENCALONAN

- Pencalonan boleh dibuat berdasarkan pencalonan untuk diri sendiri, dicalonkan oleh para penggiat industri pelancongan, atau orang awam. Borang pencalonan hendaklah disertakan dengan profil individu/syarikat/agensi serta dokumen-dokumen yang boleh menyokong penyertaan.
 - Setiap pencalonan mestilah dibuat dengan mengisi borang rasmi Anugerah Pelancongan Malaysia 2016/2017 yang boleh didapati di laman sesawang Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (www.motac.gov.my) dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (www.tourism.gov.my).
 - Semua penyertaan hendaklah dihantar kepada: Jawatankuasa Penghakiman, Sekretariat Anugerah Pelancongan Malaysia 2016/2017, Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Tingkat 4, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Presint 5, 62200 Putrajaya, Malaysia atau emel: apm2017@tourism.gov.my
 - Tarikh tutup penyertaan ialah 30 September 2017. Bahan-bahan yang dihantar akan menjadi hak milik Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia dan tidak akan dikembalikan.
 - Para hakim berhak untuk tidak memilih pemenang sekiranya didapati tiada penyertaan yang layak. Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang surat-menyurat tidak akan dilayan.
-

NOMINATION RULES

- *Submissions can be made by the nominee (i.e. self-nomination), or by members of the tourism industry or the public. Nomination forms must be completed with nominee profiles as well as related supporting documents.*
- *Each nomination must be accompanied by an official Malaysia Tourism Awards 2016/2017 entry form which is available at the websites of the Ministry of Tourism And Culture Malaysia (www.motac.gov.my) and Malaysia Tourism Promotion Board (www.tourism.gov.my).*
- *Entries should be addressed to: The Judging Committee, Malaysia Tourism Awards 2016/2017 Secretariat, Malaysia Tourism Promotion Board, 4th Floor, No. 2, Menara 1, Jalan P5/6, Precinct 5, 62200 Putrajaya, Malaysia or email at apm2017@tourism.gov.my*
- *The deadline for submission is 30 September 2017. Materials submitted becomes the property of Ministry of Tourism And Culture Malaysia and are non-returnable.*
- *The judges reserve the right not to select a winner if it is deemed that no entry of sufficient merit has been submitted. The decision of the judges is final and no correspondence will be entertained.*

BORANG PENCALONAN NOMINATION FORM



MINISTRY OF TOURISM AND CULTURE
MALAYSIA



Kategori
Category

Calon
Nominee

Individu Untuk Dihubungi
Contact Person

Jawatan
Designation

Alamat
Address

No Tel
Tel No

No Faks
Fax No

Emel
Email

Pencadang
Nominator

Nama Organisasi
Organisation

Jawatan
Designation

No Tel
Tel No

No Faks
Fax No

Emel
Email

Cop Dan Tandatangani
Calon/Pencadang
*Stamp And Signature
Nominee/Nominator*

Tarikh
Date

Nota : Borang pencalonan hendaklah disertakan bersama dokumen sokongan yang berkaitan.
Note : Nomination form has to be submitted together with related supporting documents.

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT / FOR OFFICE USE

Tarikh
Date

Nota
Notes

